

TARIKH : 9 MEI 2025

AKHBAR : Kosmo

MUKA SURAT : 6

Kadar OPR kekal 3.00 peratus

Kadar OPR kekal 3 peratus

- **BNM memaklumkan pendirian dasar monetari konsisten dengan penilaian prospek inflasi semasa**
- **Persekitaran terkini tunjukkan pertumbuhan berterusan**

PETALING JAYA – Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tiga peratus.

Keputusan dibuat selepas mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang memasuki kali ke tiga pada tahun ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan BNM semalam, pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan penilaian semasa tentang prospek inflasi dan pertumbuhan.

"Menyedari ada risiko pertumbuhan menjadi perlahan dalam persekitaran ekonomi, MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan.

"MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi mampan dalam keadaan harga stabil," katanya.

Kata kenyataan itu, persekitaran terkini menunjukkan pertumbuhan dan perdagangan global berterusan, disokong permintaan dalam negeri dan aktiviti yang dilakukan lebih awal (*front-loading activities*).

Prospek pertumbuhan global akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja positif, dasar monetari kurang ketat dan rangsangan fiskal.

"Bagaimanapun, langkah-langkah tarif diumumkan Amerika Syarikat (AS) dan tindakan balas melemahkan prospek pertumbuhan dan perdagangan global.

"Prospek ini kekal tertakluk pada ketidakpastian yang ketara, termasuk hasil rundingan perdagangan dan ketegangan geopolitik. Ketidakpastian ini juga boleh menyebabkan volatiliti pasaran kewangan global yang lebih ketara.

"Bagi Malaysia, kegiatan ekonomi terus berkembang pada suku pertama, didorong oleh permintaan dalam negeri yang mampan dan pertumbuhan eksport yang berterusan," katanya.

BNM memaklumkan, pada masa depan, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan ketidakpastian dasar global yang ketara menjejaskan sektor luaran.

Bagaimanapun, permintaan berterusan terhadap barangan elektrik dan elektronik serta perbelanjaan pelancong lebih tinggi akan menampung eksport," katanya.